

Apakah peranan Tan Sri apabila menyandang kursi berkenaan?

J: Peranan saya sebagai penyandang kursi akademik Kepemimpinan Islam USIM mempunyai beberapa dimensi. Pertama, secara umum saya perlu bersama-sama universiti mencapai matlamat yang digariskan dalam Pelan Strategik USIM 2013-2015 semasa Prof Datuk Asma Ismail menjadi Naib Canselor USIM (kini beliau ialah Ketua Pengarah, Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan) sekali gus memastikan wawasan dan matlamat USIM dapat dicapai dengan sempurna.

Kedua, saya juga berperanan pada peringkat Fakulti Kepemimpinan dan Pengurusan (FKP) yang mana kursi berkenaan ditempatkan. Kerjasama saya dituntut untuk bersama-sama dekan, staf akademik dan pelajar untuk berkongsi segala pengetahuan dan kepakaran bagi membantu pihak fakulti meneroka bidang berkaitan khusus dalam aspek kepemimpinan berteraskan Islam dari pelbagai sudut.

Peranan ketiga lebih menjurus kepada usaha untuk memperkenalkan semula tokoh ilmuwan, Allahyarham Mohd Yassin Muhammad yang menjadi gelaran kepada kursi terbabit. Kita perlu menghargai ketokohan Allahyarham yang ketika hayatnya begitu progresif, proaktif serta memiliki jati diri memperjuangkan kepentingan agenda Melayu dan pembangunan Islam di Malaysia khususnya menerusi bidang pendidikan dan pentadbiran. Beliau seorang yang berpandangan jauh dalam menerokai bidang pendidikan dan wajar dijadikan inspirasi. Saya akan berusaha memaknakan ketokohnya dalam pelbagai aktiviti berkaitan di semua peringkat.

Sebagai penyandang kursi, boleh Tan Sri jelaskan langkah awal untuk membantu USIM?

J: Dalam tempoh jangka panjang, saya akan berusaha membantu USIM untuk menonjolkan kekuatan serta keunikan universiti menjadi institusi pengajian tinggi awam (IPTA) bersifat Islam yang unggul di Malaysia.

USIM dalam Pelan Strategiknya turut meletakkan sasaran muncul IPT Islam tersohor pada di peringkat serantau selain menjadi pusat ilmu yang berjaya mengintegrasikan ilmu Naqli dan Aqli menjelang tahun 2016.

Sebagai penyandang, saya akan membuka apa-apa sahaja ruang dan peluang yang ada untuk memastikan matlamat ini mampu dicapai dengan jayanya.

Ringkasnya, jaringan USIM

Dzulkifli tekad juang kepentingan pendidikan

Menyandang kursi akademik Kepemimpinan Islam Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof Tan Sri Dzulkifli Abdul Razak kini mengatur strategi bagi memenuhi tanggungjawab baru yang diamanahkan. Ikuti perkongsian beliau mengenai perancangan yang diatur bersama wartawan Varsiti, Muhammad Reza Muhsain.

“DENGAN PENGALAMAN YANG ADA DIHARAP DAPAT MEMBOLEHKAN USIM TERBABIT SECARA LANGSUNG DAN MENJELANG Hujung Tahun Ini, BEBERAPA SIRI PROGRAM SIRI KURSUS KEPEMIMPINAN ISLAM TUAN GURU MOHD YASSIN MUHAMMAD BERBENTUK WACANA, SEMINAR, KULIAH JEMPUTAN DAN PENULISAN AKAN DILAKSANAKAN”

ke peringkat antarabangsa akan terus diperluaskan dengan memperkenalkan tokoh tertentu bagi membentuk rangkaian ilmiah Islam yang dapat memacu idea dan ilmu baharu dalam dunia pendidikan Islam. Dalam hal ini, USIM wajar memimpin dan melahirkan model atau acuan pemimpinnya sendiri, bukan sekadar menjadi pengikut semata-mata.

Bolehkah Tan Sri kongsi perancangan jangka masa pendek atau panjang yang ditetapkan?

J: Dalam kerangka masa yang diberikan kepada saya, ada dua hasrat yang ingin diwujudkan, pertama mengungkap satu pandangan alam (worldwide) yang lebih mirip dengan pelbagai perubahan mendatang dalam dunia pendidikan sejagat.

Pandangan alam ini mengambil kira perspektif, sejarah dan tamadun Islam untuk membawa semula pendidikan kepada etosnya sebagaimana yang dikehendaki oleh Islam itu sendiri, yakni membentuk seorang insan berilmu yang memahami peranan keinsanannya sesama umat manusia dan segala ciptaan Ilahi. Paling penting membina hubungan dengan Pencipta yang Maha Esa.

Pada hemat saya, krisis pendidikan sejagat yang dihadapi kini tidak akan dapat diselesaikan dengan pandangan alam yang hanya berpusat kepada modal insan dan bukan insan yang mempunyai fitrah yang lebih luas dan murni.

Istilah modal insan agak sarat dengan kefahaman neo-liberal yang sedang menu- lar dengan pantas di seluruh dunia sudah membawa kesan yang cukup

negatif kepada pendidikan sejagat.

Kedua, saya berhasrat untuk membawa kupasan kepemimpinan yang menyeluruh berakar umbi bersandarkan paksi roh-qalbu insan itu sendiri.

Hal ini penting kerana ramai yang mula mengiktiraf bahawa 'hati kepada pendidikan ialah pendidikan 'hati' (qalbu)' dan jika hal ini tidak diurusperandakan dengan kefahaman yang betul, mungkin 'hati kepada pendidikan' terus ketandusan kerana bibit-bibitnya sudah mula dirasai di seluruh dunia.

Pengalaman luas Tan Sri dalam bidang pendidikan yang ingin disuarakan kepada pelajar?

J: Secara ringkasnya, USIM umpama Universiti Sains Malaysia (USM) bagi saya dan pelajar sememangnya berperanan penting sebagai generasi pemimpin masa depan.

Tambahan pula, USIM diperkaya lagi dengan dimensi ke-islaman secara langsung dan terbuka dan ia adalah satu kekuatan ketara yang boleh digembelengkan secepat mungkin seperti usaha yang dilakukan dalam membantu USM mencapai status APEX (Program Pemacuan Kecemerlangan) pada tahun 2008.

Prof Datuk Asma sudah pun memulakan proses ini dan beliau turut memainkan peranan penting dalam membangunkan APEX di USM khusus dari segi penyelidikan dan inovasi.

Saya bertuah kerana pemimpin USIM sebelum ini banyak membuka jalan bagi ada di harap dapat membolehkan USIM terbabit secara langsung dan menjelang hujung tahun ini, beberapa siri program Siri Kursus Kepemimpinan Islam Tuan Guru Mohd Yassin Muhammad berbentuk wacana, seminar, kuliah jemputan dan penulisan akan dilaksanakan.

Pada peringkat antarabangsa, dengan pengalaman yang ada di harap dapat membolehkan USIM terbabit secara langsung dan menjelang hujung tahun ini, beberapa siri program Siri Kursus Kepemimpinan Islam Tuan Guru Mohd Yassin Muhammad berbentuk wacana, seminar, kuliah jemputan dan penulisan akan dilaksanakan.

Sejauh manakah Tan Sri melihat kewujudan kursi ini dapat memberi manfaat kepada bidang pendidikan negara?

J: Pendidikan sememangnya nadi kepada pembangunan mana-mana negara, malah lebih daripada itu. Pendidikan pada pokoknya adalah untuk melahirkan insan yang

boleh memupuk masa hadapan negara dan rakyatnya. Oleh itu, pendidikan bagi saya adalah penting untuk kemakmuran bersama-sama, bak kata perpeh Inggeris "Education is the leveller of society! It is the tide that raises all boats!"

Selagi ini tidak tercapai, pendidikan masih perlu diperbaiki kerana kesejahteraan tidak akan terjamin tanpa kemakmuran bersama-sama apatah lagi jika negara hanya menghususkan kepada kepentingan ekonomi serta kebendaan semata. Soal 'hati' tidak mendapat keutamaan yang setanding dan kesudahannya negara akan terkesan kerana pendidikan bukan lagi pendidikan.

Tugas dan amanah saya sebagai penyandang kursi ini adalah untuk memperjuangkan kepentingan pendidikan sebagai jaminan masa depan negara dan rakyatnya dan jika boleh, menjadi contoh ikutan pada peringkat global. Inilah yang saya faham mengenai maksud 'Kepemimpinan' pada kursi yang diamanahkan kepada saya. Hal ini bukan lagi satu tugas semata-mata, sebaliknya satu perjuangan seperti yang dilakukan oleh Allahyarham Mohd Yassin pada zamannya.

